



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### USAHA BERSEPADU MENGAWAL INFLASI PERUBATAN DAN KOS PENJAGAAN KESIHATAN

---

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyambut baik pengumuman yang dibuat oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan para pengendali insurans dan takaful (ITO) hari ini berkenaan langkah-langkah yang diambil untuk mengekang inflasi perubatan (*medical inflation*), yang antara lain menyebabkan kenaikan premium insurans dan takaful perubatan dan kesihatan (MHIT).

Inflasi perubatan berpunca daripada beberapa faktor, antaranya:

1. Kenaikan gaji dan upah untuk petugas kesihatan: Ini bertujuan untuk menambah bilangan, kemahiran dan kepakaran mereka;
2. Menuju negara menua: Dengan lebih ramai masyarakat kita mencapai usia emas, keperluan perubatan mereka juga meningkat, contohnya bagi perkhidmatan geriatrik, hospis dan paliatif;
3. Perubahan epidemiologi: Peningkatan prevalens penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti diabetes dan hipertensi. Ini menyebabkan

lebih ramai rakyat terdedah kepada risiko komplikasi dan juga penyakit-penyakit lain seperti kegagalan buah pinggang tahap akhir, sakit jantung dan kanser;

4. Perkembangan teknologi: Dengan perkembangan teknologi yang begitu pesat, rakyat kini menikmati lebih banyak pilihan rawatan yang berkesan dengan kesan sampingan yang minimum, contohnya ubat-ubatan terbaru dan rawatan terkini seperti '*gamma knife*' untuk rawatan penyakit kanser. Kos untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta perolehan ubat-ubatan dan peranti berteknologi tinggi ini adalah amat tinggi; serta
5. Keperluan pembinaan fasiliti baharu: Kedua-dua kerajaan dan pihak swasta terus melabur untuk membina fasiliti kesihatan baharu bagi memenuhi keperluan orang ramai. Untuk sektor swasta, kos ini dialih kepada pengguna melalui inflasi harga bagi produk yang ditawarkan.

Selain itu, tabiat pengguna dan mekanisme pasaran turut memainkan peranan, seperti '*buffet table syndrome*'. Disebabkan tahap ketelusan harga (*price transparency*) yang rendah, tahap kecelikan kesihatan (*health literacy*) yang tidak memuaskan, ketidakseimbangan maklumat (*information asymmetry*) dan kurangnya pendedahan kepada dunia perubatan, orang ramai lebih cenderung untuk membuat pilihan tanpa mempunyai maklumat yang mencukupi. Ini boleh untuk menyebabkan mereka mengambil pelan perkhidmatan dan menjalani prosedur yang tidak diperlukan.

Bagi menangani isu ini, KKM telah mengambil beberapa langkah proaktif, antaranya:

1. Inisiatif Rakan KKM antara lainya akan menawarkan pilihan perkhidmatan 'ekonomi premium' pada harga yang munasabah dan mampu milik di fasiliti KKM. Ini akan menjadi penanda aras persaingan dan peneraju perkhidmatan kesihatan berasaskan nilai (*value-based healthcare* atau VBHC);
2. Pembelian strategik (*strategic purchasing*), contohnya seperti yang diamalkan melalui *Hospital Services Outsourcing Program* (HSOP) yang mengalih daya (*outsource*) pesakit KKM untuk rawatan tertentu kepada hospital swasta. Melalui program ini, KKM mempraktikkan kaedah pembayaran yang dilompokkan (*bundled*) dan diprarunding, yang telah berjaya mengurangkan harga perkhidmatan kesihatan dan menjimatkan wang pembayar cukai. Inisiatif ini sedang dikembangkan kepada perolehan barangan dan perkhidmatan lain termasuk ubat-ubatan, dan akan turut melibatkan sektor swasta yang berminat.
3. Pembangunan *Diagnosis Related Groups* (DRGs) kebangsaan sebagai suatu mekanisme pembayaran perkhidmatan untuk menggalakkan VBHC di sektor swasta dan juga awam.
4. Inisiatif pemaparan harga ubat oleh fasiliti kesihatan swasta bagi meningkatkan ketelusan harga dan membolehkan pesakit membuat pilihan bermaklumat berkenaan ubat-ubatan yang diberikan perskripsi kepada mereka.
5. Memudahkan dan menggalakkan lebih banyak pengeluar untuk mendaftarkan produk mereka, terutamanya ubat-ubatan generik dan peranti perubatan dengan badan kawal selia negara. Ini sekaligus akan meningkatkan kepelbagaian sumber dan keterjaminan bekalan.
6. Pembangunan produk MHIT yang lebih mampan melalui kerjasama strategik antara BNM dan beberapa pihak lain.

Langkah BNM untuk mengawalselia kenaikan premium kesihatan seperti yang diumumkan hari ini adalah intervensi yang dialu-alukan dalam jangka pendek agar rakyat tidak terbeban oleh inflasi yang mendadak. Namun begitu, untuk jangka panjang, sebuah usaha bersepadu yang mengambil pendekatan seluruh negara (*whole-of-nation*) adalah perlu.

KKM akan meneruskan inisiatif-inisiatif sedia ada, yang akan diselaraskan melalui siri libat urus dengan para pemegang taruh termasuk hospital swasta, klinik swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), industri MHIT, ahli ekonomi kesihatan, dan lain-lain.

Di samping itu, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] juga akan disemak semula bagi memperkukuh kerangka kawal selia sektor kesihatan swasta bagi menjamin kesaksamaan akses oleh orang ramai kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi dan berasaskan nilai.

KKM akan terus bekerjasama dengan semua pihak untuk memastikan isu ini ditangani secara holistik, dan menjamin penjagaan kesihatan sejagat (*universal healthcare* atau UHC) untuk semua.

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**20 DISEMBER 2024**